

Abdullah: Jangan naikkan harga barang

UM - 1/6/2007

KUALA LUMPUR 31 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua peniaga supaya tidak menaikkan harga barang sesuka hati terutama yang melibatkan barang keperluan pengguna.

Pada masa yang sama kata Perdana Menteri, kerajaan mengambil perhatian serius berhubung perkara tersebut dan meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan paling tegas ke atas peniaga terbabit.

Menurut beliau, tindakan tegas itu bukan bertujuan untuk menganiaya golongan peniaga tetapi semata-mata mahu menjaga kepentingan semua pihak.

"Kita akan bertindak tegas dan kementerian Datuk Mohd. Shafie Apdal telah mula menjalankan tugas ini.

"Kerajaan tidak pernah berniat untuk menganiaya mereka (peniaga). Mereka harus ingat keuntungan yang bakal diperolehi akan lebih berlipat kali ganda jika mereka tidak menaikkan harga barang," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kecenderungan segelintir peniaga termasuk peniaga makanan yang menaikkan harga barangan selepas pengumuman kenaikan gaji seluruh kakitangan awam oleh Perdana Menteri pada 21 Mei lalu.

Selain dikenakan tindakan, jelas Perdana Menteri, peniaga yang menaikkan harga barang sebenarnya boleh kehilangan pelanggan dan akhirnya mereka akan me-

ngalami kerugian.

"Para peniaga seharusnya berasa gembira apabila gaji kakitangan awam dinaikkan. Ini kerana barangan mereka akan lebih mudah untuk dijual memandangkan pengguna mempunyai lebih wang.

"Jika harga barang mereka mahal, saya percaya pengguna akan pergi ke kedai yang menawarkan harga yang lebih murah. Peniaga harus sedar bahawa pengguna kini mempunyai banyak pilihan," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Abdullah yakin peniaga yang tidak menaikkan harga barang boleh mendapatkan keuntungan berlipat kali ganda.

"Bila wang banyak pengguna boleh membeli apa yang mereka mahukan. Mungkin dahulu mereka membeli satu barang tetapi disebabkan gaji naik, mereka

beli dua barang.

"Bukankah ini secara langsung memberi faedah kepada peniaga. Itu yang menyebabkan ada syarikat-syarikat besar kini menurunkan harga barangan mereka kerana ia memberi kesan positif kepada penjualan barang-barang," tambahnya.

Sementara itu, mengulas laporan 25 peguam yang sedang dicari polis bagi membantu siasatan berhubung 217 kes jenayah penyelewengan dan pecah amanah yang nilainya mencecah jutaan ringgit, Abdullah meminta orang ramai mengadu kepada pihak berkuasa jika mereka menjadi mangsa.

"Mereka (peguam) perlu dibawa ke mahkamah dan diadili. Lagipun yang menyeleweng bukanlah majoriti... ramai lagi yang baik," katanya.